



LCS: Kerajaan proaktif terhadap syor PAC

Oleh Rohaniza Idris - Ogos 10, 2022 @ 6:01pm
roha@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Keputusan Kabinet melaksanakan dua syor Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai projek kapal tempur pesisir pantai (LCS) milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bukti kerajaan proaktif dalam isu berkenaan.

Pengerusi PAC, Wong Kah Woh berkata, keputusan itu juga melambangkan sistem Parlimen yang sihat sedang berlaku apabila cabang legislatif mampu memainkan fungsinya dalam semak dan imbang cabang eksekutif.

Katanya, langkah itu menunjukkan kerajaan proaktif terhadap syor yang dikemukakan PAC dan membuktikan pentingnya usaha yang dilakukan jawatankuasa itu bagi memastikan segala tatacara dan perolehan kewangan kerajaan dipatuhi.

"PAC menyambut baik keputusan Kabinet hari ini (semalam), yang menerima pakai dua syor PAC yang paling penting dalam Laporan Perolehan Kapal LCS iaitu menyahklasifikasi Laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) dan Laporan Pengauditan Forensik Projek LCS, serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) mengambil tindakan segera berdasarkan segala penemuan."

"PAC akan terus memantau pematuhan dan pelaksanaan syor PAC dalam Laporan Perolehan Kapal LCS yang lain oleh kerajaan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Perdana Menteri memaklumkan Mesyuarat Jemaah Menteri hari ini memutuskan supaya Laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) yang dipengerusikan oleh bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, dibenarkan untuk disiarkan kepada umum.

Jemaah Menteri juga, katanya mencadangkan supaya Laporan Pengauditan Forensik Projek LCS yang dijalankan pada 2019 dinyahklasifikasikan.

Kah Woh berkata PAC mengingatkan kerajaan supaya keputusan menyahklasifikan laporan berkenaan perlu dilakukan sepenuhnya.

"Jangan berlaku lagi seperti dalam Laporan JKSTUPKK berkaitan Projek Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) yang mana banyak maklumat telah dihitamkan dengan nama dan alasan "menjaga kepentingan Kerajaan"," katanya.